

Lynas: Pendengaran Awam Pertama Pada 10 Mei
Bernama
18 April , 2012

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant dijadual mengadakan pendengaran awam pertama semasa lawatan mereka ke loji pemprosesan nadi bumi itu di Gebeng, Pahang, dari 10 hingga 11 Mei. Anggota PSC dan Anggota Parlimen Kota Belud Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata satu lagi pendengaran awam dijadual pada 21 Mei di Kuala Lumpur yang akan memberi peluang kepada kumpulan pro dan anti-Lynas untuk menyuarakan pandangan mereka. "Kami akan bersikap adil dan mendapatkan seberapa banyak pandangan yang boleh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat pertama jawatankuasa itu di bangunan Parlimen di sini. Beliau berkata jawatankuasa pilihan itu berkemungkinan akan menyerahkan laporannya menjelang 19 Jun. Dipengerusikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, PSC Mengenai Lynas diberi masa tiga bulan untuk melaksanakan tugasnya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660167>